

**SEMINAR JABATAN SEJARAH 2013
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

Tajuk:

Sejarah Kesultanan Sulu

Oleh:

Tuan Hj. Wan Rusik b. Wan Yusoff

Kesultanan Sulu

Wan Rusik Wan Yusoff

31 Mei 2013

Latar Belakang

- ▶ Terletak di bahagian selatan Filipina dan pusat pemerintahannya di Pulau Jolo.
 - ▶ Pernah memainkan peranan penting di bidang politik dan ekonomi di kawasan Filipina, Borneo, Maluku dan Sulawesi.
 - ▶ Kemuncak kekuasaannya - menguasai seluruh Kepulauan Sulu, Basilan, sebahagian Semenanjung Zamboanga, selatan Pulau Palawan dan pantai utara dan timur Borneo.
-

Kedatangan Islam


- ▶ Islam telah diterima secara rasmi pada akhir abad ke-14 atau awal abad ke-15.
 - ▶ Ketibaan Sayid Abu Bakar atau Sharif Al-Hashim disambut baik oleh datu-datu di Jolo.
 - ▶ Beliau telah berkahwin dengan anak salah seorang datu dan semua datu-datu bersetuju melantik beliau sebagai datu tertinggi atau sultan.
 - ▶ Sayid Abu Bakar merupakan sultan Sulu yang pertama dan semua sultan Sulu yang berikutnya yg seramai 32 orang adalah dari keturunannya.
 - ▶ Sebelum ketibaan Sayid Abu Bakar, sistem politik Sulu berpecah-pecah di bawah ketua yang bergelar datu yang kadang-kala bermusuhan di antara satu sama lain.
-



Pembahagian Kuasa dan Pendapatan

- ▶ Sebagai datu tertinggi, sultan adalah mewakili Sulu dalam hubungan dengan kuasa-kuasa luar.
 - ▶ Di dalam negeri pula, kuasa sultan tidak mutlak kerana baginda tidak boleh campur tangan dalam pentadbiran daerah-daerah yang kekal di bawah kuasa datu masing-masing.
 - ▶ Di mana, sultan mempunyai wakil di setiap daerah yang dipanggil panglima.
 - ▶ Sebagai ketua agama, sultan akan melantik pegawai-pegawai agama seperti kadi, imam, dan bilal selepas berunding dengan golongan alim ulama.
-



-
- ▶ Pendapatan sultan terbahagi kepada dua:
 - ▶ **Harta Peribadi:** harta pusaka dan hartanya sebelum baginda menjadi sultan termasuk juga keuntungan daripada aktiviti perdagangan.
 - ▶ **Harta Jawatan:** hasil daerah Jolo dan Maimbung. Setiap datu juga mesti menghantar sebahagian daripada hasil setiap daerah masing-masing mengikut peratusan tertentu. Sebagai ketua agama, sultan juga berhak ke atas zakat dengan peratus yang ditentukan. Sultan juga mempunyai hak ke atas sarang burung dan mutiara. Sultan berhak ke atas 30% rampasan perang
-
- 

Syarat-syarat Untuk Menjadi Calon Sultan

1. **Bangsawan**
2. **Satiawan atau Sariawan**
3. **Ilmuwan**
4. **Rupawan**
5. **Hartawan**


Badan yang akan memperhalusi calon-calon (Rumah Bicara)

Rumah Bicara

- ▶ Merupakan institusi penting dalam Kesultanan Sulu.
 - ▶ Satu-satunya badan yang boleh melantik sultan dan pada teorinya boleh memecat sultan.
 - ▶ Semua perkara-perkara penting negara seperti perjanjian, perdagangan, peperangan, dan perdamaian mesti dibincang dan mendapat persetujuan Rumah Bicara.
 - ▶ Keanggotaannya seramai 6-17 orang.
 - ▶ Jumlah ahli minimum adalah seramai 6 orang yang terdiri daripada 4 datu bangsawan, seorang sharif yang mewakili golongan ulama dan seorang mantari yang mewakili rakyat biasa. Semua ahli mempunyai 1 undi kecuali sultan yang mempunyai 2 undi.
-




Sistem Ekonomi


- ▶ Kedudukan Sulu yang strategik di antara 3 laut iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi yang merupakan jalan perdagangan rempah di antara Maluku dengan China.
 - ▶ Sulu merupakan kuasa maritim dan perdagangan merupakan nadi dan nyawa ekonominya. Seperti juga Melaka, Sulu mengimport sebahagian besar bahan makanannya.
-
- 

Kemerosotan dan Kejatuhannya

- ▶ Pertembungan Sulu dengan Sepanyol dan Amerika akhirnya membawa kepada pembubaran Kesultanan Sulu.
 - ▶ Sulu terlibat dalam perang yang mengambil masa hampir 3 abad dengan Sepanyol.
 - ▶ Perang yang begitu lama telah memberi kesan yang besar kepada sistem politik, sosial dan ekonomi.
 - ▶ Dua abad pertama, Sulu dapat bertahan tetapi menjelang pertengahan abad ke-19 imbalan kuasa telah memihak kepada Sepanyol
 1. Teknologi perang yang lebih canggih terutama pengenalan kapal-kapal wap dalam tentera Sepanyol memberi kesan buruk kepada kapal-kapal Sulu
 2. Kepungan laut oleh Sepanyol telah melumpuhkan ekonomi Sulu yang bergantung kepada perdagangan
 - ▶ Sistem sosial Sulu telah menerima kesan - ramai kaum lelaki terkorban dalam siri-siri pertempuran yang lama itu
 - ▶ Percaturan kuasa-kuasa Barat juga telah membawa padah kepada Sulu. Britain, Jerman, dan Sepanyol telah menandatangani Protokol Sulu atau Protokol Madrid pada tahun 1877. Dalam protokol ini, Sulu diiktiraf oleh Britain dan Jerman berada di bawah pengaruh Sepanyol
-



-
- ▶ Baron von Overbeck, pada 1878 telah mendapat konsesi di wilayah Sulu di Borneo Utara oleh sultan Sulu, Sultan Jamalul Azam. Overbeck kemudiannya bersama-sama dengan Alfred Dent, seorang rakyat British menubuhkan Syarikat Berpiagam Borneo Utara untuk memajukan wilayah tersebut
 - ▶ Pada tahun 1898, di bawah Perjanjian Paris, Sepanyol telah menyerahkan Filipina kepada Amerika Syarikat. Sepanyol menyebut Filipina adalah termasuk Sulu
 - ▶ Bagi Sulu, ini seperti keluar dari mulut harimau masuk mulut buaya.
 - ▶ Amerika percaya ia mempunyai misi 'Manifest Destiny' untuk membawa kebaikan kepada umat manusia yang lebih rendah taraf tamadunnya. Amerika membuat perubahan besar dalam pentadbiran Filipina iaitu perintah secara terus (Direct Rule)
 - ▶ Amerika berpendapat sistem tempatan tidak diperlukan lagi. Oleh itu, kesultanan Sulu dan lain-lain kesultanan di Mindanao dibubarkan
 - ▶ Di masa yang sama, wang konsesi yang dibayar oleh syarikat berpiagam tersebut terus diterima oleh Sultan Jamalul Kiram II
-
- 

-
- ▶ Apabila Filipina diberi taraf berkerajaan sendiri pada 1935, Presiden Quezon membenarkan Sultan Jamalul Kiram II untuk terus menerima wang konsesi tersebut.
 - ▶ Apabila baginda mangkat pada Jun 1936, kerajaan Filipina telah memberi kebenaran supaya waris-waris Sultan Jamalul Kiram II terus menerima wang tersebut
 - ▶ Ini menimbulkan pertelingkahan dan konflik di antara waris-waris Sultan Jamalul Kiram II. Ia hanya selesai pada tahun 1939 apabila Hakim C.F.C. Makaskie di Mahkamah Sandakan memutuskan senarai waris-waris yang diiktiraf dan peratus-peratus yang mereka layak terima dari wang konsesi itu.
 - ▶ Masalah penggantian takhta selepas 1936:
 - Masalah bayaran telah selesai tetapi persoalan siapa sultan Sulu yang sah baru bermula
 - Jumlah penuntut takhta menjadi semakin ramai selepas 1962
 - Menjadi semakin ramai dalam abad ke-21
-
- 

Salasilah Aranan

Sultan Muizuddin (20)



Sultan Azimuddin II (22)




Datu Bantilan




Datu Aranan

Salasilah Sultan Shakirullah



Salasilah Keluarga 'kiram'



Terima Kasih
